

**P.U. (A) 277.**

**AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998**

**PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA  
(SPEKTRUM) (PINDAAN) 2001**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 dan 158 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) (Pindaan) 2001**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 13 September 2001.

**Pindaan peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000 [P.U. (A) 128/2000], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan—

- (i) dengan memotong takrif “gelombang radio”;
- (ii) dalam takrif “Konvensyen Antarabangsa bagi Keselamatan Nyawa di Laut”, dengan menggantikan perkataan “sebutan mengenai Konvensyen itu” dengan perkataan “sebutan dalam”;
- (iii) dalam takrif “Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa”, dengan memotong perkataan “Merterai Perlembagaan dan Konvensyen itu”;
- (iv) dalam takrif “pemegang penguntukan”, dengan memasukkan selepas perkataan “atau” perkataan “pemegang”;
- (v) dalam takrif “pemohon”, dengan memasukkan selepas perkataan “perubahan penguntukan” perkataan “di bawah Peraturan-Peraturan ini”;
- (vi) dengan memotong takrif “pihak ketiga yang dibenarkan”;

- (vii) dengan menggantikan takrif “pindah hakmilik” dengan takrif yang berikut:
    - ‘ “pindah hakmilik” berhubung dengan suatu penguntukan spektrum termasuklah menyerah simpan sebagai jaminan, penyerahakan, perangkuman, pemisahan atau penyerahan balik penguntukan spektrum;’;
  - (viii) dalam takrif “unit geografi”, dengan menggantikan perkataan “penguntukan, pindah hakmilik atau penyerahan” dengan perkataan “penguntukan atau pindah hakmilik”;
  - (ix) dalam takrif “radas yang diperakui” dengan menggantikan perkataan “[P.U. (A) 124]” dengan perkataan “[P.U. (A) 124/2000]”;
- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dalam takrif “certified apparatus”, dengan menggantikan perkataan “Communications and Multimedia (Technic Standards) Regulations 2000 [P.U. (A) 124]” dengan perkataan “Communications and Multimedia (Technical Standards) Regulations 2000 [P.U. (A) 124/2000]”; dan
- (c) dengan menggantikan takrif “gangguan mudarat” dengan takrif yang berikut:
- ‘ “gangguan mudarat” ertinya gangguan yang membahayakan atau secara serius merendahkan, menghalang atau berulang kali mengganggu fungsi perkhidmatan radionavigasi atau satu perkhidmatan keselamatan atau lebih yang dikendalikan menurut Peraturan-Peraturan ini;’.

### **Pindaan peraturan 3**

#### **3. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan—**

- (a) dalam subperaturan (1)—
  - (i) dengan memotong perkataan “tentang”; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “Akta Telekomunikasi 1957” dengan perkataan “Akta Telekomunikasi 1950”;
- (b) dalam subperaturan (2), dengan memotong perkataan “tentang”;
- (c) dalam perenggan (3)(a), dengan menggantikan perkataan “sesuatu” dengan perkataan “sesuai”; dan
- (d) dalam perenggan (3)(d), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung perenggan perkataan “dan”.

**Pindaan peraturan 6**

4. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan—
- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “diadakan” dengan perkataan “disediakan”; dan
  - (b) dalam subperenggan (6)(e)(iii), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung perenggan perkataan “dan”.

**Pindaan peraturan 8**

5. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam teks bahasa kebangsaan dalam perenggan (2)(j), dengan menggantikan perkataan “pindahhak milik” dengan perkataan “pindah hakmilik”; dan
  - (b) dalam teks bahasa Inggeris dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:  
  
“(d) the advertising of auctions and tenders;”.

**Pindaan peraturan 10**

6. Perenggan 10(k) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung perenggan perkataan “dan”.

**Pindaan peraturan 11**

7. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:
- “(3) Dalam peraturan ini, Suruhanjaya hendaklah memberitahu pemohon secara notis bertulis berkenaan dengan keputusannya, secepat yang mungkin, selepas membuat keputusan untuk meluluskan atau menolak permohonan itu.”.

**Pindaan peraturan 13**

8. Peraturan 13 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam teks bahasa kebangsaan dalam subperaturan (6), dengan memotong perkataan “termasuk maklumat lanjut atau dokumen lain”; dan

(b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memasukkan selepas perenggan (8)(b) perenggan yang berikut:

“(c) if the variation relates to the spectrum and the approval will cause changes to the fees which are payable, vary the fees; and

(d) give one copy of the assignment which has been varied to the applicant.”.

**Pindaan peraturan 15**

9. Peraturan 15 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa Inggeris dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “list of the site” dengan perkataan “list of the sites”; dan

(b) dalam subperenggan (a)(vi), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung perenggan perkataan “dan”.

**Pindaan peraturan 19**

10. Peraturan 19 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “Pemindahan hakmilik atau berurusan dengan, dsb.” dengan perkataan “Pindah hakmilik atau berurusan dengan”; dan

(b) dalam perenggan (5)(b), dengan menggantikan perkataan “dipindah hakmilik unit penguntukan yang berkait” dengan perkataan “dipindah hakmilik bersama dengan unit penguntukan yang berkaitan”.

**Pindaan peraturan 21**

11. Peraturan 21 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan dalam perenggan (4)(a), dengan memasukkan selepas perkataan “gangguan” perkataan “yang berkenaan dengan”; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Seseorang yang berhasrat untuk memohon untuk mendapatkan suatu penguntukan radas boleh menggunakan borang yang sama bagi satu atau lebih radas dari jenis stesen yang sama, di bawah jalur frekuensi yang sama yang dinamakan dan lokasi yang sama.”.

**Pindaan peraturan 25**

12. Peraturan 25 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “kebenaran kepada” dengan perkataan “pembenaran”; dan

(b) dalam perenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan “ia” dengan perkataan “merupakan”.

**Pindaan peraturan 30**

13. Subperenggan 30(1)(g) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “yang dalamnya” dengan perkataan “yang dengannya”.

**Pindaan peraturan 32**

14. Subperaturan 32(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “sebahagian daripada penguntukan” perkataan “spektrum”.

**Pindaan peraturan 33**

15. Subperaturan 33(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “berunding dengan pihak” perkataan “berkuasa”.

**Pindaan peraturan 37**

16. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 37 dengan peraturan yang berikut:

“37. Suruhanjaya hendaklah menyenggara suatu daftar bagi segala penguntukan dan apa-apa perubahan yang dibuat kepada penguntukan, membenaran pihak ketiga dan pindah hakmilik pihak ketiga di bawah Peraturan-Peraturan ini menurut seksyen 81 Akta, melainkan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa perkara-perkara sedemikian tidak patut didedahkan demi kepentingan negara.”.

**Pindaan peraturan 41**

17. Peraturan 41 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “satu ratus” perkataan “ribu”.

**Pindaan peraturan 44**

18. Peraturan 44 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan—

(a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “Akta dan Peraturan-Peraturan ini” perkataan “sehingga habis tempohnya”; dan

(b) dalam subperaturan (2), dengan memotong perkataan “segala” yang terdapat selepas perkataan “kelulusan dan”.

**Pindaan peraturan 45**

19. Peraturan 45 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan—

(i) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “[P.U. (A) 291/83]” dengan perkataan “[P.U. (A) 291/93]”; dan

- (ii) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “setakat yang peruntukan itu” dengan perkataan “setakat mana peruntukan itu”; dan
- (b) dalam subperaturan (3), dengan memasukkan selepas perkataan “Peraturan-Peraturan Radiokomunikasi 1995” perkataan “[P.U. (A) 224/95]”.

**Pindaan Jadual Pertama**

20. Jadual Pertama Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan Susunan A dengan Susunan yang berikut:

“SUSUNAN A

**FI BAGI PENGUNTUKAN RADAS**

Fi tetap

<i>Bentuk Perkhidmatan Menurut Rancangan Spektrum</i>	<i>Jenis Radas</i>	<i>Fi Tahunan (RM)</i>
TETAP	Stesen Bumi (kurang daripada 2.4 meter)	120.00
	Stesen Bumi (2.4 meter ke atas)	1200.00
	Stesen Darat (kurang daripada 30 MHz)	60.00
	Stesen Darat (30 MHz hingga 3GHz)	120.00
	Stesen Darat (lebih daripada 3 GHz)	240.00
	Stesen Eksperimen	60.00
	Stesen Penerimaan Berita	360.00
	Stesen Tetap	120.00
RADIOPENENTUAN	Stesen Radiolokasi	120.00
	Stesen Radionavigasi	120.00
	Stesen Radiopenentuan	1200.00
ANGKASA LEPAS	Stesen Angkasa Lepas	120.00
	Stesen Satelit Amatur	120.00
	Stesen Satelit Penyiaran	1200.00
	Stesen Satelit Tetap	1200.00
BERGERAK	Stesen Bergerak	60.00
	Stesen Bergerak Darat	60.00
	Stesen Bergerak Penerbangan	60.00
	Stesen Bumi Bergerak	60.00
	Stesen Bumi Bergerak Maritim	60.00
	Stesen Bumi Bergerak Penerbangan	60.00
	Stesen Eksperimen	60.00
	Stesen Kapal	60.00
Stesen Kawalan Jauh	60.00	

<i>Bentuk Perkhidmatan Menurut Rancangan Spektrum</i>	<i>Jenis Radas</i>	<i>Fi Tahunan (RM)</i>
	Stesen Kegunaan Persendirian	240.00
	Stesen Pangkalan Kelui	120.00
	Stesen Pangkalan Radio Bersel	120.00
	Stesen Pangkalan Radio Saluran Pajakan	120.00
	Stesen Pangkalan Radio Sesalur	120.00
	Stesen Pangkalan Tanpa Kord	120.00
	Stesen Pantai	120.00
	Stesen Penggera Wayarles	60.00
	Stesen Pesawat Udara	60.00
	Stesen Tetap Penerbangan	120.00
PENYIARAN	Stesen Pemancar Penyiaran	1200.00
	Stesen Pengulang Penyiaran	120.00
AMATUR	Stesen Amatur (Kelas A)	36.00
	Stesen Amatur (Kelas B)	24.00
	Stesen Pengulang Amatur	60.00 ”;

(b) dalam Susunan B dengan menggantikan butir-butir yang terdapat di bawah kepala “FI BAGI PENGUNTUKAN RADAS” dengan butir-butir yang berikut:

“Fi Berubah-ubah

<i>Lebar Jalur (setiap saluran)* (kHz)</i>	<i>Fi Tahunan berkenaan dengan jalur bagi setiap radas (RM)</i>		
	<i>Kurang daripada 30 MHz</i>	<i>30 MHz hingga 3GHz</i>	<i>Lebih daripada 3 GHz</i>
0.000-5.000	42.00	90.00	60.00
5.001-12.000	52.00	110.00	70.00
12.001-25.000	62.00	130.00	90.00
25.001-100.000	113.00	230.00	130.00
100.001-200.000	186.00	380.00	200.00
200.001-1000.000	264.00	520.00	280.00
1000.001-3500.000	342.00	680.00	360.00
3500.001-7000.000	420.00	840.00	440.00
7000.001-14000.000	498.00	1000.00	510.00
14000.001-28000.000	576.00	1160.00	590.00
28000.001-36000.000	654.00	1300.00	670.00
36000.001-54000.000	732.00	1470.00	750.00
54000.001 atau lebih	810.00	1620.00	830.00 ”;

Nota:

\* Lebar jalur adalah jumlah lebar jalur yang digunakan termasuk jalur kawalan.

- (c) perenggan 1 dalam Susunan B Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (i) dalam teks bahasa kebangsaan dalam subperenggan (g)—
    - (aa) dengan menggantikan perkataan “frekuensi yang sama yang lain” dengan perkataan “frekuensi yang sama”; dan
    - (ab) dengan menggantikan perkataan “saluran pajakan dan radas berasaskan sesalur” dengan perkataan “stesen pangkalan radio saluran pajakan dan stesen pangkalan radio sesalur;”;
  - (ii) dalam subperenggan (c)—
    - (aa) dengan menggantikan perkataan “berapa bulan” dengan perkataan “tempoh”; dan
    - (ab) dengan menggantikan perkataan “tarikh pembaharuan tahunan” dengan perkataan “tarikh habis tempoh”;
  - (iii) dengan menggantikan subperenggan (d) dengan subperenggan yang berikut:
    - “(d) jumlah fi yang kena dibayar bagi suatu penguntukan radas ialah fi yang dikira menggunakan fi tetap dicampur fi berubah-ubah bagi suatu penguntukan. Suatu penguntukan radas boleh mempunyai fi tetap yang dikenakan bagi kewujudan radas sahaja atau dicampur fi berubah-ubah bagi pelbagai frekuensi dan lebar jalur yang digunakan bergantung kepada bentuk perkhidmatan yang diberikan;”;
  - (iv) dalam subperenggan (f), dengan memasukkan selepas perkataan “frekuensi pancaran dan penerimaan” perkataan “serta lebar jalur bagi setiap frekuensi”; dan
  - (v) dalam subperenggan (i), dengan memasukkan selepas perkataan “frekuensi itu” perkataan “dan lebar jalur”; dan
- (d) perenggan 2 dalam Susunan B Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (i) dalam teks bahasa kebangsaan—
    - (A) dengan memasukkan sebelum tarif “mata arah penunjuk lokasi kecemasan” takrif yang berikut:
      - “gelombang radio” ertinya frekuensi gelombang elektromagnetik yang secara arbitrari lebih rendah daripada 3000 GHz yang dirambatkan ke angkasa lepas tanpa panduan buatan;
      - “lebar jalur” ertinya lebar suatu jalur frekuensi;”;

- (B) dengan memasukkan selepas takrif “mata arah penunjuk lokasi kecemasan” takrif yang berikut:
- ‘ “peranti capaian bergerak bersel” ertinya suatu peranti capaian untuk mencapai suatu rangkaian radio dalam satu daripada jalur bersel;’;
- (C) dalam takrif “peranti capaian radio”, dengan menggantikan perkataan ‘ “peranti capaian radio” saluran dipajak” ’ dengan perkataan “peranti capaian radio saluran pajakan”;
- (D) dalam takrif “peranti capaian radio sesalur”, dengan menggantikan perkataan “yang dalamnya” dengan perkataan “yang dengannya”;
- (E) dalam takrif “perkhidmatan bergerak bersel”, dengan menggantikan perkataan “stesen bergerak bersel” dengan perkataan “peranti capaian bergerak bersel”;
- (F) dalam takrif “perkhidmatan bergerak maritim”, dengan menggantikan perkataan “stesen-stesen komunikasi bersekutu” dengan perkataan “stesen-stesen bersekutu”;
- (G) dalam takrif “perkhidmatan radio amatir”, dengan menggantikan perkataan “yang dalamnya” dengan perkataan “yang dengannya”;
- (H) dalam takrif “perkhidmatan satelit bergerak darat”—
- (aa) dengan menggantikan perkataan “yang dalamnya” dengan perkataan “yang dengannya”; dan
- (ab) dengan menggantikan perkataan “dalam kapal” dengan perkataan “di darat”;
- (I) dalam takrif “perkhidmatan satelit bergerak penerbangan”, dengan menggantikan perkataan “yang dalamnya” dengan perkataan “yang dengannya”;
- (J) dalam takrif “perkhidmatan satelit tetap”, dengan memotong perkataan “atau lebih” selepas perkataan “satu atau lebih satelit”;
- (K) dalam takrif “stesen berasaskan radio bersel”, dengan menggantikan perkataan “berasaskan” dengan perkataan “pangkalan”;
- (L) dalam takrif “stesen berasaskan radio sesalur”—
- (aa) dengan menggantikan perkataan “berasaskan” dengan perkataan “pangkalan”; dan
- (bb) dengan menggantikan perkataan “dan menggunakan” dengan perkataan “dan digunakan sebagai”;

- (M) dengan memotong takrif “stesen bergerak bersel”;
- (N) dengan menggantikan takrif “stesen bergerak darat” dengan takrif yang berikut:
- ‘ “stesen bergerak darat” ertinya suatu stesen bergerak dalam perkhidmatan bergerak yang dikendalikan di darat yang mempunyai keupayaan pergerakan permukaan dalam lingkungan sempadan geografi sesuatu negara atau benua;’;
- (O) dengan memotong takrif “stesen bersel”;
- (P) dengan takrif “stesen bumi”, dengan menggantikan subperenggan (*b*) dengan subperenggan yang berikut:
- “(b) dengan satu atau lebih stesen daripada jenis yang sama, melalui satu atau lebih satelit pantulan atau objek lain di angkasa lepas;” dan
- (Q) dengan takrif “stesen tetap”, dengan menggantikan perkataan “lesen yang ditempatkan” dengan perkataan “stesen yang terletak”;
- (ii) dalam teks bahasa Inggeris—
- (A) dalam takrif “cellular mobile access device”, dengan menggantikan perkataan “a station” dengan perkataan “an access device”; dan
- (B) dalam takrif “trunked radio base station”, dengan menggantikan perkataan “and used a” dengan perkataan “and used as a”;
- (iii) dengan menggantikan takrif “perkhidmatan keselamatan” dengan takrif yang berikut:
- ‘ “perkhidmatan keselamatan” ertinya apa-apa perkhidmatan radiokomunikasi sama ada kekal atau sementara, dengan kemampuan untuk memenuhi kehendak komunikasi bantuan kecemasan bagi menjaga keselamatan nyawa manusia dan/atau harta;’;
- (iv) dengan menggantikan takrif “stesen bumi bergerak” dengan takrif yang berikut:
- ‘ “stesen bumi bergerak” ertinya suatu stesen bumi dalam perkhidmatan satelit bergerak bertujuan untuk digunakan semasa bergerak atau semasa berhenti di poin-poin yang tidak dinyatakan;’;

- (v) dengan menggantikan takrif “stesen pangkalan radio saluran pajakan” dengan takrif yang berikut:

‘ “stesen pangkalan radio saluran pajakan” ertinya suatu stesen tetap yang memberi radiokomunikasi saluran pajakan dan digunakan sebagai penghubung antara suatu stesen tetap dengan suatu peranti capaian radio saluran pajakan;’;

- (vi) dengan memasukkan selepas takrif “stesen pangkalan radio saluran pajakan” takrif yang berikut:

‘ “stesen pangkalan tanpa kord” ertinya suatu stesen tetap yang digunakan untuk memberikan perkhidmatan rangkaian kepada pelanggan dan digunakan sebagai penyambung antara apa-apa peranti capaian telefon tanpa kord dan kemudahan rangkaian atau antara apa-apa peranti capaian telefon tanpa kord dan peranti capaian telefon tanpa kord yang lain;’; dan

- (vii) dengan memasukkan selepas takrif “stesen penghantar penyiaran” takrif yang berikut:

‘ “stesen pengulang amatur” ertinya suatu stesen yang digunakan bagi penerimaan radiokomunikasi dari suatu penghantar dan bagi siaran automatik radiokomunikasi kepada penerima;’.

### Pindaan Jadual Kedua

21. Jadual Kedua Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan butiran “Permohonan bagi penguntukan” dan butiran yang terdapat bersetentangan dengannya butiran yang berikut:

<i>Perkara</i>	<i>Fi</i>
“Permohonan bagi penguntukan radas	RM60.00 bagi setiap borang permohonan ”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas butiran “Permohonan bagi salinan penguntukan yang diperakui benar” dan butiran yang terdapat bersetentangan dengannya butiran yang berikut:

<i>Perkara</i>	<i>Fi</i>
“Permohonan bagi salinan atau mengambil cabutan daripada daftar penguntukan	RM1.00 bagi muka surat ”.

Dibuat 27 Ogos 2001.

[KTKM(S) 353/146/1 Klt. 6; PN(PU<sup>2</sup>)601/III]

DATUK AMAR LEO MOGGIE  
*Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia*

**Hakcipta Pencetak** (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA